

MAHATHIR - ISTANA

KOTA BAHARU, 12 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, TIDAK TERDAPAT SEBARANG MASALAH YANG WUJUD ANTARA KERAJAAN PUSAT DENGAN ISTANA KELANTAN.

BELIAU JUGA BERKATA, TIDAK ADA SEBARANG PENGARUH DARI ISTANA YANG MUNGKIN MEMPENGARUHI KEKUATAN DAN KEDUDUKAN BARISAN NASIONAL (BN) SERTA UMNO KHUSUSNYA, DI KELANTAN.

+SAYA TIDAK NAMPAK APA-APA PENGARUH DAN MASALAH DENGAN ISTANA MENGENAI PERKARA INI+, KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN BN DAN KETUA-KETUA MASYARAKAT, SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM DI PEJABAT UMNO NEGERI DI SINI.

BELIAU BERKATA: +YANG SAYA LIHAT ADA SEORANG YANG PANDAI MEMPERALATKAN SEMUA PIHAK UNTUK KEPENTINGAN DIRINYA.+

+BELUM LAGI DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN DIA SUDAH BUAT KERJA SEMACAM INI, PAKSA ORANG ITU DAN ORANG INI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.
2013MST 12 07 90

D099

U B940 BAH
MAHATHIR - ISTANA 2 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA, KADANG-KADANG APABILA BELIAU MELAWAT NEGERI INIPUN KURANG MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA KALANGAN PEGAWAI KERAJAAN KERANA DIHALANG.

BELIAU MENAMBAH KATA INI BUKAN (PERBUATAN) OLEH PIHAK ISTANA, TETAPI OLEH ORANG BERKENAAN.

+JADI KITA KENA PERGI KEPADA PUNCANYA, IAITU JIKA ORANG INI TIDAK ADA SUDAH TENTU TIDAK ADA MASALAH,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU SEDAR BAHAWA CARA YANG DILAKUKANNYA DENGAN MEMAKSA ORANG LAIN SAMPAI TIDAK BOLEH HADIR ITU TIDAK DISUKAI RAKYAT.

-- LAGI.

2014MST 12 07 90

D113

U B943 BAH
MAHATHIR - ISTANA 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA, KEDUDUKAN UMNO DAN BN DI KELANTAN SEMAKIN HARI SEMAKIN KUAT KERANA ANGGOTA-ANGGOTA PAS TELAH MENYEDARI BAHAWA MEREKA DITIPU OLEH PEMIMPINNYA DENGAN BEKERJASAMA DENGAN DAP.

MENGENAI DAKWAAN PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK BAHAWA, PEMILIKAN SAHAMNYA KIRA-KIRA 5 JUTA DALAM BOLTAN FINANCE ADALAH DI DALAM PENGETAHUAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TERPAKASA MENYEMAK DAHULU PERKARA ITU.

KATANYA, BELIAU TIDAK BOLEH MENGULAS BERDASARKAN LAPORAN AKHBAR, MALAH BELUM LAGI MEMBACA MENGENAI LAPORAN ITU.

MENGENAI PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA BERTUJUAN UNTUK MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN DAN ANGGOTA BN UNTUK MENGGERAKKAN JENTERA PILIHAN RAYA MASING-MASING BAGI BERSIAP SEDIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KATANYA, BELIAU JUGA TELAH MENJELASKAN KEPADA MEREKA TENTANG ASAL-USUL PERIKATAN DAN BN SERTA SEBAB-SEBAB NEGARA INI MENJADI AMAN, MAJU DAN EKONOMINYA PESAT BERKEMBANG.

INI IALAH KERANA NEGARA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG BERTANGUNGJAWAB KEPADA SEMUA PIHAK DAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KEMAMANAN SERTA PEMBANGUNAN, KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA.